

UPSI/PEND/AD/597/2/1(6/08)

25 OGOS 2008  
23 SYAABAN 1429

**SPP UPSI BIL. 6 TAHUN 2008**

Semua  
Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

**SYARAT PEMILIHAN PUSAT PEPERIKSAAN KHAS  
KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN (KPSL)**

**1. PENDAHULUAN**

- 1.1. Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) adalah merupakan kenaikan pangkat daripada skim perkhidmatan yang rendah kepada skim perkhidmatan yang lebih tinggi tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan yang berkaitan melalui proses lantikan. Urusan ini dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Melantik.
- 1.2. Calon akan memohon menduduki peperiksaan KPSL ini melalui laman web Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Calon juga akan diminta memilih pusat peperiksaan untuk menduduki peperiksaan tersebut.
- 1.3. Pada waktu ini, calon yang ingin menduduki Peperiksaan KPSL boleh memilih mana-mana pusat peperiksaan. Mereka diberi kebebasan memilih pusat peperiksaan mengikut pilihan masing-masing. Calon juga dibenarkan untuk membuat tuntutan-tuntutan perjalanan seperti tuntutan elaun makan, elaun penginapan, elaun perjalanan dan elaun pelbagai sepanjang menduduki peperiksaan tersebut.

- 1.4. Memandangkan jumlah perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh Universiti meningkat dari tahun ke tahun berikutan bertambahnya bilangan kakitangan yang memohon untuk menduduki peperiksaan tersebut, pihak Universiti telah membuat beberapa ketetapan.

## **2. KETETAPAN PEMILIHAN PUSAT MENDUDUKI PEPERIKSAAN KPSL**

- 2.1. Kakitangan UPSI yang memohon untuk menduduki Peperiksaan Khas KPSL haruslah memilih pusat peperiksaan yang terhampir dengan UPSI atau sekurang-kurangnya dalam lingkungan negeri Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sahaja.
- 2.2. Walau bagaimanapun, jika calon masih memilih pusat peperiksaan selain daripada negeri-negeri yang disebutkan di atas, calon hanya layak menuntut tuntutan persamaan mengikut keempat-empat negeri tersebut sahaja.

## **3. PEMAKAIAN**

Surat Pekeliling Pendaftar (SPP) Bilangan 6/2008 ini berkuatkuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**'Pendidikan Gemilang Menuju Wawasan'**

Yang benar,

**(RUSLEY BIN TAIB)**  
Pendaftar